

SOALAN NO.: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]

TARIKH : 26 JULAI 2017 [RABU]

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) apakah langkah oleh Kementerian untuk mengukuhkan harga lada hitam yang telah turun merudum baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan 'Sosial Safety Net' untuk penanam lada hitam di seluruh negara semasa harga lada turun

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, purata harga lada hitam dan lada putih masing-masing adalah di paras RM26,400 dan RM43,114 se tan, penurunan 7.1% dan 1.5% berbanding RM28,031 dan RM43,784 se tan pada tahun 2015. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, purata harga lada hitam adalah di paras RM19,586 se tan manakala purata harga lada putih berada di paras RM32,082 se tan.

Trend penurunan harga lada ini berlaku adalah disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran khususnya di negara Vietnam yang menyebabkan harga lada merudum. Bagi mengukuhkan harga lada, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan beberapa program antara lain seperti berikut:

- i) Meningkatkan penggunaan lada dalam negara melalui penghasilan produk-produk baharu berasaskan lada seperti *garlic pepper*, *black pepper marinate*, sos lada hitam, biskut perisa lada dan sebagainya dijangka dapat menggalakkan lagi penggunaan lada di Malaysia;
- ii) Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE) bagi mendapat pulangan yang lebih baik;
- iii) Menjual terus ke pasaran istimewa (*niche market*) seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran tertentu yang mementingkan keselamatan dan kualiti makanan serta produk istimewa peringkat ladang seperti Lada Putih Krim (LPK);
- iv) Peningkatan R&D dalam industri lada melalui pelbagai produk baru yang berasaskan lada seperti sos lada hitam, minyak wangi lada,

smoke flavoured seasoning, garlic pepper sauce, black pepper marinade cube dan sebagainya akan terus dibangunkan; dan

- v) Kerjasama dengan negara-negara pengeluar melalui *International Pepper Community (IPC)* dalam menerokai pasaran baru supaya dapat meningkatkan permintaan terhadap lada pada keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari hakikat bahawa harga komoditi di pasaran dunia adalah berdasarkan kepada faktor permintaan dan penawaran. Apabila harga menurun, sudah pasti ia akan menjejaskan pendapatan pekebun. Dalam hal ini, MPB telah melaksanakan Skim Sijil Penyimpanan dan Pemilikan Lada (SPPL) bermula pada tahun 1991. Melalui SPPL, pekebun mempunyai opsyen untuk menyimpan lada dengan MPB apabila harga lada jatuh di pasaran. MPB membantu pekebun-pekebun lada dengan menawarkan gudang MPB bagi tujuan penyimpanan lada dan menjualnya apabila harga kembali pulih.

Selain itu, Kementerian sedang dalam tindakan untuk mengenal pasti mekanisme terbaik untuk melaksanakan jaringan keselamatan (*Social Safety Net Lada*) kepada pekebun kecil lada. Satu dana bantuan pekebun kecil bagi komoditi lada akan diwujudkan bagi melaksanakan cadangan *Social Safety Net* ini. Cadangan ini akan di bawa untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini.

Kerajaan melalui MPB juga akan terus komited dalam membantu pekebun kecil dengan menyalurkan bantuan dan subsidi sedia ada melalui Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada 2017 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Sekian, terima kasih.